سيأوسها كراجأن نكري كلنتن
YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Ruj Kami : SUK.D200(01) 15/1/1 Jld. 3 (17)

Bertarikh : 23 Zulkaedah 1438H
Bersamaan : 16 Ogos 2017

Ke Majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Pengurusan Swasta / NGO

YB. / YM. / Dato' / Tengku / Tuan / Puan,

ARAHAN PENTADBIRAN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 7 TAHUN 2017

TARIKH HARI KELEPASAN AM TAHUN 2017
BAGI NEGERI KELANTAN
- AWAL MUHARRAM (MAAL HIJRAH) 1439H

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Selaras dengan perubahan tarikh Awal Muharram (Maal Hijrah) 1439H dari 21 September 2017 (Khamis) ke 22 September 2017 (Jumaat) yang dilaksanakan di peringkat Persekutuan, maka adalah dimaklumkan bahawa pihak Berkuasa Negeri Kelantan dengan ini menetapkan bahawa tarikh Hari Kelepasan Am Negeri Kelantan 2017 yang berkaitan dengan Awal Muharram 1439H (Maal Hijrah) adalah pada 22 September 2017.

3. Sehubungan dengan itu, tarikh Hari Kelepasan Am Negeri Kelantan yang berkaitan denaan Awal Muaharram 1439H yang telah ditetapkan pada 21 September 2017 dan diwartakan sebelum ini adalah dengan ini dibatalkan.

4. Oleh yang demikian sukacita kiranya dapat YB. / YM. / Dato' / Tengku / Tuan / Puan mengambil langkahan selanjutnya berkaitan dengan arahan ini.

Sekian dimaklumkan.

*** ISLAM DIJULANG, RAJA DIJUNJUNG, RAKYAT DISANJUNG ***
*** MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN ***

Dengan hormatnya,

DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT, *S.P.S.K., P.J.N., D.P.S.K. (Kelantan)*

Blok 2, Aras 1, Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan
Tel : 609-7483414 Fax : 609-7477105 e-mel : suk@kelantan.gov.my laman sesawang : www.kelantan.gov.my